

Newspaper	Berita Harian
Date	3 August 2015

# Tumpu agenda bangunkan negara

**Pekan:** Datuk Seri N<sup>o</sup>uib Razak meminta kepimpinan, jentera kerajaan dan ahli UMNO memberi tumpuan penuh kepada agenda pembangunan negara terutama dalam membelah nasib rakyat selepas pengumuman rombakan Kabinet, Selasa lalu.

Perdana Menteri berkata, tiba masanya semua pihak memberi fokus kepada matlamat mencapai status negara maju yang berbaki tempoh lima tahun lagi.

Najib yang juga Presiden UMNO bersyukur kerana rombakan Kabinet itu secara keseluruhannya diterima baik pemimpin pada peringkat akar umbi dan rakyat serta berterima kasih kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan anggota Kabinet yang digugurkan seperti, Datuk Seri Shafie Apdal dan Datuk Seri Hasan Malek yang menyatakan pendirian tetap setia bersama UMNO.

"Walaupun mereka tidak lagi berada dalam pentadbiran kerajaan tetapi saya bersyukur dan berterima kasih kepada mereka yang menyatakan akan terus bersama dalam perjuangan UMNO.

"Selesainya proses ini (rombakan Kabinet) maka kita boleh bergerak ke hadapan. Saya tidak mahu kita hilang arah dan fokus tetapi kita mesti kembali kepada mengapa, kenapa dan apakah objektif serta matlamat yang hendak diperjuangkan sebagai ahli parti dan kerajaan.

"Kita perlu impikan yang terbaik untuk negara ini... kita



Tengku Abdullah memotong pulut kuning sempena hari keputeraan baginda sambil diperhatikan oleh Najib, Rosmah dan Tiong Lai (kanan) pada rumah terbuka Aidilfitri Parlimen Pekan di Taman Tasik Sultan Abu Bakar, Pekan, semalam. (FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH)

mesti tidak hilang hala tuju dalam memenuhi aspirasi rakyatkatanya PADA Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Pekan, di Taman Tasik Sultan Abu Bakar, dekat sini, semalam.

Neyib yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, semua barisan kepimpinan negara dan parti perlu peka dan sensitif mengenai kehendak dan keperluan rakyat serta menjadikan negara lebih makmur serta membangun.

Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Pekan bermula jam 10 pagi hingga 5 petang di Taman Tasik Sultan Abu Bakar, dengan kehadiran Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ah-

mad Shah dan kira-kira 60,000 rakyat berbilang kaum.

Najib yang memakai baju Melayu berwarna hijau sedondon dengan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan isteri, Datin Seri Junaini Kassim dan Menteri Pengangkutan yang juga Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Sementara itu, ketika merasmikan Majlis Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri 2015 di Dataran Rembau, dekat Seremban, malam tadi, Nsgib mengingatkan rakyat supaya sentiasa berwaspada terhadap perkara yang boleh mengancam perpaduan kaum walau-

pun keadaan negara ini aman.

Katanya, ini berikutan apabila sesuatu kejadian berlaku, rakyat mudah tejobak melihat perkara itu dari sudut perkauman.

Behau mengambil contoh kejadian di Plaza Low Yat, Kuala Lumpur, baru-baru ini, apabila suatu kejadian jenayah yang biasa bertukar menjadi pergaduhan kaum.

"Jangan mudah sangat melihat sesuatu perkara itu dari sudut perkauman kerana kejadian itu sebagai contoh boleh menyebabkan kita tejobak dalam keadaan genting, iaitu bertukar menjadi pergaduhan yang serius," katanya yang turut diiringi Rosmah.